



BUDIMAN (duduk, lima dari kiri) dan Nor Azidah (duduk, lima dari kanan) pada majlis penutup Program Baktisiswa 7.0 KTHO UKM di Sungai Besar.

HARIAN METRO

14/3/2017 p. 43

Kampung angkat program bakti siswa IPT

Sabak Bernam: Beberapa kampung di kawasan Parlimen Sungai Besar, di sini, dipilih menjadi kampung angkat bagi menjalankan program bakti siswa bersama institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Ahli Parlimen Sungai Besar Budiman Mohd Zohdi berkata, objektif utama program itu bertujuan mencapai hasrat merealisasikan visi 'Satu Keluarga Satu Mahasiswa' di Parlimen berkenaan.

"Kami menjalin kerjasama dengan IPT tempatan bagi menjayakan program bakti siswa pada setiap bulan di kampung terpilih bermula Februari lalu.

"Bulan ini, seramai 40 mahasiswa dari Kolej Tun Hussein Onn (KTHO) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkampung selama

tiga hari dua malam di Kampung Peket 60, Simpang Lima," katanya selepas merasmikan majlis penutup Program Baktisiswa 7.0 KTHO UKM itu, kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM Prof Datuk Nor Azidah Mohd Awal dan Timbalan Pengerua KTHO UKM Basir Bahir.

Menurut beliau, mahasiswa akan diberikan penekanan supaya mendampingi keluarga angkat masing-masing dan mengenal pasti prospek terutama anak keluarga itu yang bakal menduduki peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Mereka diminta menjadi mentor untuk memberi dorongan dan motivasi kepada adik angkat mereka supaya cemerlang dalam akademik

serta kokurikulum, sekali gus mengikuti jejak langkah melanjutkan pelajaran di universiti," katanya.

Kata Budiman, mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) dan kawasan Pasir Panjang, Sekinchan turut dipilih menyertai program itu pada bulan depan.

Sementara itu, Pengarah Program Baktisiswa 7.0 Siti Salwa Nor Aziman yang juga penuntut Ijazah Perakaunan berkata, program berkenaan turut memberi peluang kepada mahasiswa mendampingi masyarakat terutama di kawasan luar bandar.

"Selain itu, ia dapat memupuk dan mengasah bakat kepemimpinan mereka menerusi pembabitatan organisasi dan khidmat sukarelawan, sekali gus melatih mereka menjadi proaktif," katanya.